# JADUAL PERLAWANAN SUKUM 39, 2014- UTM

18 OGOS 2014

**BOLA SEPAK (PADANG UTAMA UTM)**

| MASA | PERLAWANAN | | | PUSINGAN |
|---|---|---|---|---|
| 15:00 | **MNG16** | X | **MNG 17** | Separuh Akhir |
| 15:00 | **MNG 18** | X | **MNG 19** | Separuh Akhir |

**BOLA TAMPAR (SPORTS HALL 1)**

| MASA | PERLAWANAN | | | PUSINGAN |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **MNG 18** | X | **MNG 19** | Akhir (Lelaki) |

**FUTSAL(DAIMAN SPORTS COMPLEX SKUDAI)**

| MASA | PERLAWANAN | | | PUSINGAN |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **MNG 16** | X | **MNG 17** | Separuh akhir |
| 10:00 | **MNG 18** | X | **MNG 18** | Separuh akhir |
| 16:00 | **MNG 10** | X | **MNG 11** | Akhir |
| 16:00 | **MNG 20** | X | **MNG 21** | Akhir |

**BADMINTON CAMPURAN (DAIMAN SPORTS COMPLEX SKUDAI)**

| MASA | PERLAWANAN | | | PUSINGAN |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **MNG 16** | X | **MNG 17** | Separuh Akhir |
| 09:00 | **MNG 18** | X | **MNG 19** | Separuh Akhir |
| 15:00 | **MNG 20** | X | **MNG 21** | Akhir |

**LAWN BOWL (KOMPLEKS BELIA & SUKAN LARKIN, JB)**

| MASA | PERLAWANAN | | | KATEGORI |
|---|---|---|---|---|
| 09:00-10:45 AKHIR | M112 | X | M113 | MSIN |
| | M114 | X | M 115 | WSIN |
| | M116 | X | M 117 | MTRI |
| | M 118 | X | M 119 | WTRI |
| | M 120 | X | M 121 | MFOU |
| | M 122 | X | M 123 | WFOU |

**BOLA SEPAK VETEREN (PADANG UTAMA, UTM)**

| MASA | PERLAWANAN | | | KATEGORI |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **UNIMAP** | X | **UIAM** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **UTeM** | X | **UKM** | Gelanggang 2 |
| 09:00 | **UM** | X | **UPSI** | Gelanggang 3 |
| 15:00 | **UMK** | X | **UNIMAS** | Gelanggang 3 |
| 15:00 | **UTM** | X | **UPM** | Gelanggang 4 |

**TENIS CAMPURAN (AKADEMI TENIS JOHOR, TAMAN PERLING)**

| MASA | PERLAWANAN | | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **MNG 18** | X | **MNG 19** | Gelanggang 1&2&3(akhir) |

**TENPIN BOLING (DAIMAN BOWL, JOHOR)**

| MASA | PERLAWANAN | TEMPAT |
|---|---|---|
| 10:30-15:00 | FOURSOME LELAKI | DAIMAN BOWL, JOHOR |

HOKI LELAKI ( STADIUM HOKI TAMAN DAYA,, JOHOR )

| MASA | PERLAWANAN | | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **UPM** | X | **UM** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **KPM** | X | **UTHM** | Gelanggang 2 |
| 17:00 | **UUM** | X | **USM** | Gelanggang 1 |
| 17:00 | **UNIMAP** | X | **UKM** | Gelanggang 2 |

19 OGOS 2014

PING PONG (DEWAN PERDANA, KOLEJ PERDANA, UTM )

| MASA | PERLAWANAN | | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **USIM** | X | **UPSI** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **UTHM** | X | **UUM** | Gelanggang 2 |
| 09:00 | **UPM** | X | **UMK** | Gelanggang 3 |
| 09:00 | **UTM** | X | **KPM** | Gelanggang 4 |
| 15:00 | **UKM** | X | **USIM** | Gelanggang 1 |
| 15:00 | **UiTM** | | **UTHM** | Gelanggang 2 |
| 15:00 | **UM** | | **UPM** | Gelanggang 3 |
| 15:00 | **USM** | | **UTM** | Gelanggang 4 |

BOLA SEPAK VETEREN ( PADANG UTAMA, UTM )

| MASA | PERLAWANAN | | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **UUM** | X | **UM** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **UiTM** | X | **UNIMAP** | Gelanggang 4 |
| 09:00 | **USM** | X | **UTeM** | Gelanggang 1 |
| 15:00 | **UNIMAS** | X | **UPM** | Gelanggang 2 |
| 15:00 | **UNK** | X | **UTM** | Gelanggang 3 |

CATUR ( KOLEJ TUANKU CANSELOR, UTM )

| MASA | KATEGORI |
|---|---|
| 10:00-12:00 | BERPASUKAN |
| 13:00-15:00 | BERPASUKAN |

TARIK TALI ( PADANG KOLEJ 9 & 10, UTM )

| MASA | PERLAWANAN | | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **UNIMAS** | X | **UIAM** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **USM** | X | **UPM** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **UM** | X | **UTHM** | Gelanggang 1 |

SEPAK TAKRAW ( SPORTS HALL 1 UTM )

| MASA | PERLAWANAN | | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **UKM** | X | **UM** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **UTM** | X | **UPM** | Gelanggang 2 |
| 09:00 | **UUM** | X | **UNIMAP** | Gelanggang 3 |
| 15:00 | **USM** | | **UTHM** | Gelanggang 1 |
| 15:00 | **UM** | | **UPM** | Gelanggang 2 |
| 15:00 | **UKM** | | **UTM** | Gelanggang 3 |
| 20:00 | **UNIMAP** | | **UTHM** | Gelanggang 1 |
| 20:00 | **UUM** | | **USM** | Gelanggang 2 |
| 20:00 | **UTM** | | **UM** | Gelanggang 3 |

TENPIN BOLING ( DAIMAN BOWL, JOHOR )

| MASA | PERLAWANAN | TEMPAT |
|---|---|---|
| 10:00-12:00 | MASTER LELAKI & WANITA | DAIMAN BOWL, JOHOR |

KAROM ( BILIK KULIAH, BLOK P16, FKE, UTM )

| MASA | PERLAWANAN | | | TEMPAT |
|---|---|---|---|---|
| 09:00 | **UTeM** | X | **UKM** | Gelanggang 1 |
| 09:00 | **UTM** | X | **UUM** | Gelanggang 2 |
| 10:30 | **UIAM** | X | **UTHM** | Gelanggang 1 |
| 14:30 | **UM** | X | **UTeM** | Gelanggang 1 |
| 14:30 | **UTM** | X | **UTHM** | Gelanggang 2 |

UTM Sports excellence



Pengelola UTM
Dengan Kerjasama KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# buletin SUKUM 39, 2014

## KEJOHANAN SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA

EDISI 3
17 OGOS 2014, AHAD

## LAWATAN TPM KE *VENUE* SUKUM 39



SUKUM 39



16 Ogos 2014 (Sabtu) - Lawatan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Yassin selama lebih kurang satu jam ke Sports Hall 1, UTM sempena SUKUM 39 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut bersama Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled bin Nordin. Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Dr. Ir. Zaini bin Ujang dan Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Pegawai - Pegawai Kanan UTM, staf dan atlet. Kunjungan ini mampu mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama dalam bidang pendidikan terutamanya dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri dan UTM serta barisan kontinjen yang menyertai SUKUM 39 ini mampu menjadi platform terbaik demi kecemerlangan sukan negara secara menyeluruh. Timbalan Perdana Menteri juga telah sudi berkenalan dengan barisan atlet Bola Tampar yang menyertai SUKUM 39 dan memberikan kata-kata perangsang. Beliau juga sempat menyaksikan perlawanan Bola Tampar Lelaki yang berlangsung di antara Pasukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melawan Pasukan UNIMAP.

**buletin**
**SUKUM 39, 2014**
**KEJOHANAN SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA**

### JAWATANKUASA INDUK

**Penasihat**
Y. Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar
Naib Canselor UTM

**Pengerusi**
Y. Bhg. Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman
Timbalan Naib Canselor (P)

**Timb. Pengerusi**
Y. Bhg. Tn. Hj. Wan Mohd. Zawawi bin Wan Abd. Rahman
Pendaftar UTM

**Setiausaha**
Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani
Pengarah Sukan

**Penolong Setiausaha**
En. Armadi bin Ahmad
Pegawai Belia & Sukan Kanan

**Bendahari**
Pn. Hjh. Sharifah Alwiah bte Syed Alwi
Bendahari UTM

**Ahli Jawatankuasa**
Setiausaha Bahagian Sukan (KPM)
Pendaftar IPTA

### JAWATANKUASA PELAKSANA

**Pengerusi**
Tn. Hj. Wan Mohd Zawawi bin Wan Ab. Rahman
Pendaftar UTM

**Timbalan Pengerusi**
Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani
Pengarah Sukan

**Setiausaha**
En. Armadi bin Ahmad
Pegawai Belia & Sukan Kanan

**Pen. Setiausaha 1**
En. Rizam bin Rahmat
Pegawai Belia & Sukan

**Pen. Setiausaha 2**
En. Shahril Annuar bin Bahrom
Penolong Pegawai Belia & Sukan

**Bendahari**
En. Nasimin bin Ngadi (Pejabat Bendahari)
Pn. Rahmah binti Yusak (UTM Sports Excellence)
Pn. Rohani binti Karim (UTM Sports Excellence)

### SIDANG REDAKSI

**Penaung:**
Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani

**Penasihat:**
En. Armadi bin Ahmad

**Ketua Editor:**
En. Shahril Annuar bin Bahrom

**Penolong Ketua Editor:**
Pn. Madiha binti Aziz

**Editor:**
Pn. Salina binti Shamshuri
Pn. Norayura binti Ayub

**Jurugambar:**
Mond Hanafi bin Sumgap
Muhamad Akmal bin Ahmad

## KEDUDUKAN PINGAT SUKUM 39

| KONTINJEN | EMAS | PERAK | GANGSA | JUMLAH PINGAT |
|---|---|---|---|---|
| KPM | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UM | 0 | 0 | 1 | 1 |
| USM | 4 | 5 | 2 | 11 |
| UKM | 0 | 0 | 1 | 1 |
| UPM | 1 | 1 | 0 | 2 |
| UTM | 0 | 1 | 3 | 4 |
| UIAM | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UUM | 1 | 1 | 2 | 4 |
| UNIMAS | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UMS | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UPSI | 0 | 0 | 0 | 0 |
| USIM | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UiTM | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UMT | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UTHM | 1 | 0 | 1 | 2 |
| UTeM | 1 | 0 | 1 | 2 |
| UMP | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UNIMAP | 2 | 3 | 0 | 5 |
| UNISZA | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UMK | 0 | 0 | 0 | 0 |
| UPNM | 2 | 1 | 2 | 5 |

***PUNGUTAN PINGAT TERAKHIR SEHINGGA 16 OGOS 2014 PADA JAM 09:00 MALAM**

**Sebarang masalah sila hubungi:**

**SEKRETARIAT SUKUM 2014**
**Pejabat Kolej 10,**
**Universiti Teknologi Malaysia,**
**81310 Johor Bahru, Johor**
**No. Telefon: 07-5535766**
**No Faks: 07-5535781**

**Layari**
**http://www.utm.my/sukum**

## LARIAN SUKUM 39 MERIAH

16 Ogos 2014 (Sabtu) - Bertempat di Stadium UTM, Johor Bahru, Program Larian SUKUM di Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Acara Larian ini yang diadakan sempena Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 39, 2014. Kategori Fun Run - 5KM yang berlangsung bermula pada jam 7.00 pagi. Larian ini juga bertujuan untuk mengamalkan amalan gaya hidup sihat disamping dapat mewar-warkan kepada masyarakat UTM dan kawasan sekitarnya acara SUKUM yang telah berlangsung dari 13 hingga 23 Ogos 2014. Selaku pelaksana, UTM amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih di atas penyertaan semua yang prihatin dalam menjayakan program larian yang julung kali diadakan yang melibatkan kolaborasi semua kontinjen SUKUM, staf, pelajar, individu perseorangan dan masyarakat sekitar Johor Bahru. Kesemua peserta larian ini menerima sijil penyertaan dari pihak UTM.






## UTeM MENGUASAI ACARA DART





Acara Dart telah melabuhkan tirainya pada 16 Ogos 2014 dengan menyaksikan pasukan dari UTeM telah muncul sebagai juara. UTeM telah berjaya merangkul pingat emas apabila mengalahkan UNIMAP di tempat kedua dengan mata 7-2 manakala pingat gangsa dimenangi oleh UPM dan UPNM. Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh En. Zuber bin Hj. Mohamad, Pendaftar UNIMAP dan diiringi oleh En. Mohd. Khairul Juman bin Kasim, Pengerusi Permainan Pasukan Dart. Syabas diucapkan kepada semua pemenang.





# UTHM & USM MENGUNGGULI ACARA BERBASIKAL

Bagi Acara Berbasikal, Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh En. Hazally bin Jali, Setiausaha Bahagian Sukan, Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kategori Berpasukan telah dimenangi oleh Pasukan USM manakala bagi Kategori Berpasukan Veteran telah dimiliki oleh Pasukan UTHM. . Sepanjang acara berlangsung semua pasukan yang menyertai telah mempamerkan aksi yang menarik.










# PERASMIAN SUKUM 39 DISAMBUT SEDERHANA

16 Ogos 2014 (Sabtu) - Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 39, 2014 berlangsung dengan jayanya dan dirasmikan oleh YBhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Bin Omar, Naib Canselor UTM di Stadium UTM, Johor Bahru pada jam 8.00 malam. Acara Perasmian bermula dengan perbarisan masuk 21 kontinjen daripada seluruh IPTA dan KPM. Majlis seterusnya diiringi oleh pasukan pancaragam dari Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai diikuti dengan Pelaporan Kejohanan daripada En. Shahril Annuar bin Bahrom, Ketua Sekretariat Kejohanan SUKUM 39. Dalam ucapannya, Naib Canselor UTM berkata, “tahun 2014 ini merupakan tahun penggiliran UTM sebagai Tuan Rumah. Ia juga merupakan penganjuran ketiga selepas tahun 1980 an dan 1999. Kejohanan SUKUM dibahagikan kepada 2 fasa iaitu fasa 1 bermula pada 13 hingga 19 Ogos dan fasa 2 bermula 18 hingga 23 Ogos 2014. Dianggarkan 3,500 orang atlet dan pegawai akan berada di UTM pada tempoh tersebut. Manakala kejohanan ini dibantu oleh ahlijawatankuasa, petugas, sukarelawan dan pengadil seramai 650 orang, SUKUM 39 menyaksikan kuda yang dikenali sebagai Bronco menjadi maskot kejohanan kali ini dan pemilihan itu mengambil sikap maskot tersebut yang selalu positif, ambil peduli, menarik, inisiatif, berdisiplin dan bertanggungjawab serta mampu menjalin kerjasama dalam menjalankan tugas. “Kejohanan sukan kali ini bukan sahaja dapat menyaksikan kehebatan atlet yang bertanding tetapi juga sebagai usaha pembinaan semangat berpasukan dan mewujudkan persaingan yang sihat. “Majlis Perasmian SUKUM 39, 2014 ini diadakan secara sederhana bagi menghormati dan menzahirkan rasa simpati serta keprihatinan kita ke atas peristiwa MH370 dan MH17 serta malapetaka yang menimpa saudara Islam kita di Gaza” katanya. Mengulas lanjut Naib Canselor juga berkata, “Selain itu UTM sebagai kampus hijau menyediakan kemudahan yang terbaik kepada semua atlet bertanding untuk menghadapi persaingan yang sihat bagi meraih kecemerlangan sukan di negara ini”.










UTM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
LENSA SUKUM 39
Universiti Malaysia PAHANG
USM
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
UTM Sports excellence